



**PENERAPAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR MERENTASI KURIKULUM DI
KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN KES**

NOOR ASHIKIN BINTI MOHD YUSOP



**LAPORAN PENULISAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (BIOLOGI)**

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008





PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16 Oktober 2008

NOOR ASHIKIN BINTI MOHD YUSOP

M20061000210





DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries of the other authors' work which have been duly acknowledged.

16 October 2008

NOOR ASHIKIN BINTI MOHD YUSOP



M20061000210





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya serta limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan projek penyelidikan ini. Juga selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Maria Salih selaku pensyarah penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, cadangan, komen dan idea yang bernas sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Seterusnya kepada Dr. Ong Eng Tek selaku penyelia kedua yang banyak memberi bantuan bagi menjadikan projek penyelidikan ini lebih sempurna.

Ucapan terima terima kasih seterusnya diucapkan kepada responden-responden kajian iaitu guru-guru dari sebuah sekolah di Daerah Kota Star kerana sudi bekerjasama untuk menjayakan penyelidikan ini dan kepada Pengetua sekolah tersebut kerana membenarkan saya menjalankan kajian ini di sekolah berkenaan.

Tidak lupa juga kepada ayahanda Mohd Yusop Shaari dan bonda Fatimah Bidi serta teman yang dikasihi Cik Norazizah Abdul Rahman kerana memberikan sokongan moral yang tidak terhingga kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Kepada rakan-rakan sekuliah khasnya Puan Rasfa Roziana Abdul Rashed dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak dalam menjayakan penyelidikan ini, diucapkan terima kasih.

Jasa kalian, hanya Allah yang mampu membalasnya. Didoakan semoga kalian dirahmatiNya di dunia dan akhirat serta maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Sekian, wassalam.

Noor Ashikin Binti Mohd Yusop
Program Sarjana Pendidikan Biologi
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak.
Oktober 2008





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau pelaksanaan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum sekolah menengah. Dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan guru sekolah menengah mengenai konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti kaedah yang digunapakai guru serta masalah-masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Kaedah pengumpulan data secara kualitatif menggunakan temu bual semi struktur telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 15 orang guru yang mewakili setiap mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Biologi, Fizik, Kimia, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral, Sains Pertanian dan Kemahiran Hidup Bersepadu, dari salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Kota Star, Kedah telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru tahu mengenai konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum iaitu Pendidikan Alam Sekitar diterapkan melalui semua mata pelajaran yang sedia ada. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh guru untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar seperti kaedah membuat karangan, perbincangan, penerapan nilai-nilai moral, aktiviti kitar semula, aktiviti melukis, lakonan, demonstrasi, aktiviti luar bilik darjah, kerja amali, menonton televisyen, video dan slaid serta bercerita. Kaedah yang lazim digunakan oleh guru dari pelbagai bidang mata pelajaran ialah melalui penerapan nilai-nilai moral. Ini diikuti dengan kaedah perbincangan dan kitar semula. Kaedah lakonan, demonstrasi, aktiviti melukis dan luar bilik darjah kurang digunakan. Antara masalah penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum yang telah dikenalpasti adalah masalah kekangan masa, terikat kepada silibus, tidak terdapat perkaitan dengan subjek yang diajar, tidak berkemahiran, sikap pelajar, penguasaan bahasa serta tahap pelajar yang lemah. Hampir semua guru daripada pelbagai bidang mata pelajaran menghadapi masalah terikat kepada silibus dan mata pelajaran yang diajar tidak mempunyai kaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk menggalakkan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum dan mengatasi masalah yang dihadapi guru.





ABSTRACT

This research is aimed at studying the implementation of Environmental Education across the secondary school curriculum. One objective of this study is to obtain teachers' knowledge of the concept of implementing Environmental Education across the curriculum. Apart from that, this study also hope to identify the methods used by teachers to implement Environmental Education across the curriculum and also the problems faced. The qualitative data collection method was used via a semi structured interview. Fifteen secondary school teachers for each respective subject, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mathematic, Sciences, History, Geography, Arts, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Biology, Physic, Chemistry, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral, Sains Pertanian and Kemahiran Hidup Bersepadu, were selected from one of the secondary schools in the district of Kota Star, Kedah. The findings of this study indicated that teachers have the knowledge of implementing Environmental Education across the curriculum by stating that Environmental Education is inculcated into all the different subject. There are various ways to implement Environmental Education such as through essay writing, discussion, incorporating moral values, recycle, drawing, acting, demonstration, out door activities, practical work, watching television, video, slide and also through story telling. The most common method of implementing Environmental Education across the curriculum was via incorporating moral values. Other methods such as discussion and recycle were also used. The least utilised method was via acting, demonstration, outdoor activities and drawing. Some of the implementation problems identified were time constrains, tie-up with syllabus, unrelated in various subjects, lack of skills, student attitudes, low English proficiency and students with low achievement. The teachers from almost all disciplines agreed that the syllabus and unrelated in various subjects were the main hindrance. Several suggestions were made to enhance the implementation of Environmental Education across the curriculum and also to solve the problems encountered.



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Rasional Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Batasan Kajian	9
1.9	Definisi Operasi	10
1.9.1	Pendidikan Alam Sekitar	10

1.9.2	Penerapan Pendidikan Alam Sekitar	11
1.9.3	Konsep Penerapan Pendidikan Alam Sekitar	12
	Merentasi Kurikulum	
1.10	Rumusan	12

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Sejarah Pendidikan Alam Sekitar	13
2.2.1	Definisi Pendidikan Alam Sekitar	16
2.2.2	Matlamat Pendidikan Alam Sekitar	18
2.2.3	Objektif-objektif Pendidikan Alam Sekitar	19
2.3	Perkembangan Pendidikan Alam Sekitar	20
2.3.1	Pendidikan Alam Sekitar di Luar Negara	21
2.3.2	Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia	22
2.4	Perlaksanaan Penerapan Pendidikan Alam Sekitar	24
	Merentasi Kurikulum di Malaysia	
2.4.1	Isu dan masalah perlaksanaan Pendidikan Alam Sekitar	26
2.5	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Penerapan Pendidikan Alam Sekitar	29
2.5.1	Kajian Luar Negara	29
2.5.2	Kajian Dalam Negara	33
2.6	Rumusan	35

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Sampel Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Kajian Rintis	39
3.6	Prosedur Kajian	40
3.7	Analisis Data	42
3.7.1	Analisis Pengetahuan Guru Mengenai Konsep Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	42
3.7.2	Analisis Kaedah Yang Digunapakai Guru Untuk Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	43
3.7.3	Analisis Masalah-masalah Yang Dihadapi Guru Dalam Melaksanakan Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	43
3.8	Rumusan	44

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Pengetahuan Guru Tentang Konsep Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	45
4.3	Kaedah Yang Digunapakai Guru Untuk Menerap Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	48
4.3.1	Penerapan Nilai-nilai Moral	48
4.3.2	Perbincangan	49

4.3.3	Aktiviti kitar semula	51
4.3.4	Kerja amali	52
4.3.5	Membuat karangan	52
4.3.6	Menonton televisyen, video dan slaid	53
4.3.7	Bercerita	54
4.3.8	Aktiviti melukis	55
4.3.9	Lakonan	55
4.3.10	Demostrasi	56
4.3.11	Aktiviti luar bilik darjah	56
4.4	Masalah-masalah Yang Dihadapi Guru Dalam Melaksanakan Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	57
4.4.1	Terikat kepada silibus	59
4.4.2	Tidak berkaitan dengan subjek yang diajar	59
4.4.3	Sikap pelajar	60
4.4.4	Kekangan Masa	61
4.4.5	Tahap pelajar yang lemah	62
4.4.6	Tiada kemahiran	62
4.4.7	Penguasaan Bahasa	63
4.5	Rumusan	64

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	65
5.2	Pengetahuan Guru Mengenai Konsep Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	66
5.3	Kaedah Yang Digunapakai Guru Untuk Menerap Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	67



5.4	Masalah-masalah Guru Dalam Melaksana Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	72
5.5	Implikasi Kajian	79
5.5.1	Pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan pendidikan	79
5.5.2	Guru dan bakal guru	81
5.6	Cadangan kajian lanjutan	82
5.7	Rumusan	83
RUJUKAN		84





SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Perkembangan dalam Pendidikan Alam Sekitar	21
4.1	Kaedah-kaedah penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum	49
4.2	Masalah-masalah guru dalam melaksanakan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum	58



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
3.1 Reka bentuk kajian	38
3.2 Prosedur Kajian	41



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
A : Instrumen Temu bual Semi Struktur	92
B : Contoh transkripsi temu bual	93
C : Surat Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	113





SENARAI SINGKATAN

- RBM : Responden yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu
- RPI : Responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam
- RPS : Responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni
- RBI : Responden yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris
- RSN : Responden yang mengajar mata pelajaran Sains Paduan
- RPJK : Responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
- RSP : Responden yang mengajar mata pelajaran Sains Pertanian
- RMM : Responden yang mengajar mata pelajaran Matematik Moden
- RGEO : Responden yang mengajar mata pelajaran Geografi
- RPM : Responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral
- RSEJ : Responden yang mengajar mata pelajaran Sejarah
- RKHB : Responden yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu
- RBIO : Responden yang mengajar mata pelajaran Biologi
- RFZ : Responden yang mengajar mata pelajaran Fizik
- RKIM : Responden yang mengajar mata pelajaran Kimia
- R1-5 : Responden 1 hingga 5 dalam kajian rintis





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Pendidikan telah diterima sebagai satu alat yang asas untuk mengawal alam sekitar dan juga pembangunan lestari sejak dari persidangan Tbilisi pada tahun 1977. Sekolah pula merupakan alat utama untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar (Moroye, 2005). Pendidikan berkaitan alam sekitar penting bagi meningkatkan kesedaran tentang kualiti alam sekitar. Malahan, Pendidikan Alam Sekitar turut membantu generasi masa hadapan untuk mengawal kehidupan mereka dan memakmurkan masa hadapan (Perikleous, 2004).

Pendidikan Alam Sekitar ini perlu kerana ia dapat membentuk sikap positif diri terhadap alam sekitar. Dengan adanya kesedaran pada seseorang individu, maka akan timbul perasaan tanggungjawab tentang betapa pentingnya kualiti alam sekitar yang tinggi dikekalkan (Adenan Satem, 2004).





Pendidikan Alam Sekitar mula diperkenalkan secara formal pada peringkat rendah melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dalam mata pelajaran Alam dan Manusia. Seterusnya adalah pada peringkat menengah melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), khususnya dalam mata pelajaran sains seperti Biologi. Peringkat ketiga dan terakhir ialah pengajian tinggi melalui kursus Sains Alam Sekitar dan Biologi Persekitaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).

Satu cara untuk melaksanakan Pendidikan Alam Sekitar ialah dengan mengintegrasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam pengajaran di bilik darjah hadapan (Perikleous, 2004). Oleh itu, elemen Pendidikan Alam Sekitar disepadukan dalam mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral, dan Geografi. Selain daripada pendidikan formal dalam bilik darjah, Pendidikan Alam Sekitar juga berlaku secara tidak formal melalui aktiviti kokurikulum seperti Kelab Pencinta Alam, pertandingan kuiz, Kempen Kitar Semula, ceramah dan lawatan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).

Dalam konteks Malaysia, perkara ini sudah pun diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1998 dengan terbitnya Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar merentasi Kurikulum untuk sekolah rendah dan menengah oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi peringkat prasekolah buku berkenaan diterbitkan pada tahun 2005.

Hotinli (2004) menegaskan, walaupun isu-isu alam sekitar yang perlu diajar telah disenaraikan mengikut mata pelajaran melalui ketetapan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran, namun kualiti perlaksanaan amat bergantung kepada kesedaran dan minat guru secara individu. Guru sepatutnya menggunakan buku ini sebagai panduan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar. Guru juga sepatutnya menggunakan segala peluang yang ada untuk menyemai,





memupuk dan melestarikan Pendidikan Alam Sekitar melalui aktiviti di sekolah sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (Mohammad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak, 2007).

Justeru, penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum sekolah amat bergantung kepada komitmen guru sebagai pelaksana. Sikap dan tindak tanduk guru seterusnya akan memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Matlamat akhir Pendidikan Alam Sekitar untuk melahirkan individu yang mempunyai tingkah laku yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, mudah tercapai sekiranya guru mengambil tanggungjawab untuk mendidik dengan serius.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu proses pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar (Adenan Satem, 2004). Proses ini adalah untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana manusia mengurus alam sekitar dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan manusia. Justeru, pengajaran Pendidikan Alam Sekitar berkait rapat dengan matlamat negara untuk membina masyarakat yang sensitif dan memiliki pengetahuan yang tepat, kemahiran dan nilai terhadap isu alam sekitar dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah alam sekitar (Mohammad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak, 2007).

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah yang lebih progresif dengan memberi penekanan terhadap Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah. Penerapan nilai murni alam sekitar dilaksanakan bukan sahaja melalui proses





pengajaran di bilik darjah tetapi juga melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum sekolah (Adenan Satem, 2004).

Di maktab perguruan pula, Kementerian Pelajaran melaksanakan pelbagai program Pendidikan Alam Sekitar bagi melengkapkan bakal guru dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar. Selain itu, program ini juga diharap dapat membangkitkan kesedaran dan sensitiviti tentang isu-isu alam sekitar. Peranan dan penglibatan guru amatlah penting dalam mendidik pelajar di sekolah yang merupakan pewaris alam sekitar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).

Selaras dengan Dasar Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran alam sekitar demi menyemai nilai murni alam sekitar pada masyarakat umum (Adenan Satem, 2004). Warga sekolah telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran utama bagi tujuan ini memandangkan golongan ini adalah generasi muda bakal pemimpin di masa hadapan. Menyedari hakikat ini, Jabatan Alam Sekitar telah memperkenalkan program khusus untuk pelajar sekolah yang lebih bersifat tidak formal seperti Kem Kesedaran Alam Sekitar, Projek Wira Alam dan Projek Riadah Alam Sekitar (Aznizah Mahyudin, 2007).

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan sekolah sebagai pusat kecemerlangan alam sekitar, Sekolah Lestari diperkenalkan bertujuan untuk membentuk satu persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dari aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan di sekolah (Adenan Satem, 2004). Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti-aktiviti sekolah lestari memberi peluang mengamalkan ciri-ciri mesra alam di persekitaran rumah, masyarakat dan negara.





Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan ke arah wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan masyarakat yang mementingkan kualiti alam sekitar. Program berkaitan alam sekitar ini dapat berperanan sebagai pemangkin kepada proses pembentukan generasi yang bertanggungjawab dan sayangkan alam sekitar (Aznizah Mahyudin, 2007).

Guru memainkan peranan penting dalam menjayakan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Menurut Wilke (1985), jika guru tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran atau komitmen untuk '*environmentalize their curriculum*' adalah sukar bagi seseorang guru itu untuk menghasilkan pelajar yang berliterasi alam sekitar. Kajian ini menjurus kepada peranan guru dalam menerapkan Pendidikan Alam Sekitar kerana didapati hanya sebilangan kecil guru mengetahui tentang Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum dan cara-cara ia dilaksanakan dalam bilik darjah formal (Lee Chi Kin, 1996). Menurut Mohammad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak (2007), terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar, maka adalah penting sekiranya pengkaji dapat mengenalpasti faktor-faktor tersebut agar dapatan kajian ini dapat membantu meminimalkan kecacatan pelaksanaan dan pengekaln Pendidikan Alam Sekitar.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada awal pelaksanaan, Pendidikan Alam Sekitar tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran Alam Dan Manusia di sekolah rendah dan diterapkan dalam mata pelajaran Sains di peringkat sekolah menengah. Menurut kajian Pudín (2006), walaupun Pendidikan Alam Sekitar diajar sebagai satu mata pelajaran yang khusus, namun matlamat pendidikan ini yang digariskan dalam Alam Dan Manusia tidak tercapai sepenuhnya. Beliau membuat kesimpulan bahawa kegagalan ini mungkin disebabkan





oleh guru kurang berkemahiran untuk menangani proses pengajaran dan pembelajaran tajuk tertentu terutama dalam bidang yang melibatkan kemahiran membuat penyiasatan dan tindakan.

Setelah hampir dua dekad dilaksanakan, seharusnya proses penerapan Pendidikan Alam Sekitar telah sehati dengan sistem pendidikan sedia ada di Malaysia. Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerbitkan Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar merentasi Kurikulum sebagai panduan, didapati guru masih lagi tidak jelas kaedah yang bersesuaian untuk melaksanakan Pendidikan Alam Sekitar (Mohammad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak, 2007).

Menurut Gan Siowek Lee (1987), Pendidikan Alam Sekitar jarang dinilai semasa peperiksaan, malah konsep persekitaran juga tidak disebut secara eksplisit dalam isi kandungan sesuatu mata pelajaran (Chelliah, 1990). Akibatnya, penekanan yang diberikan oleh guru kepada Pendidikan Alam Sekitar berbeza-beza dari segi tujuan, skop, arah dan impaknya. Jelaslah bahawa penerapan Pendidikan Alam Sekitar adalah terhad kepada kemahuan, kesungguhan dan kemahiran guru untuk melaksanakannya (Mohammad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak, 2007).

1.4 Rasional Kajian

Berdasarkan masalah-masalah yang wujud dalam penerapan Pendidikan Alam Sekitar di sekolah, pengkaji ingin menjalankan kajian untuk mengetahui keadaan sebenar perlaksanaan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Pengkaji membuat kajian terhadap guru kerana kejayaan penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum sekolah amat bergantung kepada komitmen guru sebagai pelaksana.





Adalah diharap masalah-masalah guru dapat dikenalpasti agar matlamat Pendidikan Alam Sekitar untuk melahirkan individu yang mempunyai tingkah laku yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dapat direalisasikan.

Malahan, pengkaji ingin mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca mengapa Pendidikan Alam Sekitar tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan, sedangkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentasi Kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).

Tidak terdapat kajian-kajian yang lepas yang mengkaji tentang kaedah yang digunapakai guru dalam menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam mata pelajaran sedia ada di sekolah. Oleh itu, adalah wajar kajian ini berfokuskan kepada setiap mata pelajaran di sekolah menengah kerana menerusi setiap mata pelajaran ini, pengkaji dapat mengenalpasti kaedah yang digunakan guru dalam pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar menerusi semua mata pelajaran. Ini adalah bertepatan dan selari dengan maksud penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang keadaan sebenar pelaksanaan penerapan Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah menengah. Dengan itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji pengetahuan guru mengenai konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum.





2. Mengenal pasti kaedah yang digunapakai guru untuk penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum.
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum.

1.6 Persoalan Kajian

Dalam usaha memastikan objektif kajian tercapai, maka pengkaji telah mengariskan beberapa persoalan kajian yang berkaitan iaitu:



1. Apakah pengetahuan guru mengenai konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum?
2. Apakah kaedah yang digunapakai guru untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia dapat mengemukakan beberapa kaedah dan pendekatan yang boleh digunapakai oleh guru-guru dalam mengimplementasikan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat membantu guru



meningkatkan keberkesanan penerapan Pendidikan Alam Sekitar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai cadangan dalam meningkatkan kualiti kurikulum Pendidikan Alam Sekitar. Adalah diharap pihak-pihak tertentu seperti Bahagian Pendidikan Guru, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Sekolah-sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah dapat mempertimbangkan masalah-masalah yang dikenalpasti dalam kajian ini, semasa menyusun atur kurikulum atau merancang program penerapan Pendidikan Alam Sekitar.

Bagi pihak guru-guru, hasil kajian ini dapat memberi peluang untuk mengaplikasikan ilmu alam sekitar menggunakan kaedah yang bersesuaian dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran para pelajar di sekolah. Seterusnya, manfaat kajian ini dapat membangkitkan rasa tanggungjawab guru untuk menghayati pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar dan seterusnya mengaplikasikan pengetahuan yang ada dan menyemai nilai-nilai alam sekitar dalam diri para pelajar.

1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Disebabkan kekangan masa, kewangan dan tenaga, maka responden yang terlibat adalah terdiri daripada guru sekolah pengkaji sendiri. Kajian ini hanya melibatkan lima belas orang guru yang mewakili setiap mata pelajaran di sekolah menengah. Dengan ini dapatan kajian ini adalah terhad kepada pandangan guru-guru ini. Oleh itu, hasil kajian ini tidak dapat memberi gambaran yang meluas tentang pelaksanaan penerapan Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia.

Dengan wujudnya batasan-batasan kajian ini, dapatan kajian ini seharusnya diterima dengan berhati-hati dan kajian selanjutnya perlu dilakukan untuk mengukuh dan menyokong atau sebaliknya dapatan kajian ini. Untuk mendapat satu keputusan yang meluas dan dapat digeneralisasikan kepada satu kesimpulan yang jitu, kajian yang sama perlu dilaksanakan secara meluas di seluruh negeri di Malaysia.

1.9 Definisi Operasi

Berikut ialah definisi istilah yang digunakan dalam konteks kajian ini:

1.9.1 Pendidikan Alam Sekitar

Menurut Adenan Satem (2004), Pendidikan Alam Sekitar merupakan pendidikan berkaitan tentang alam sekitar, untuk alam sekitar dan melalui alam sekitar. Amalan membudayakan Pendidikan Alam Sekitar dapat menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan dapat mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari. Oleh itu pernyataan di bawah dapat memperjelaskan lagi definisi Pendidikan Alam Sekitar tersebut:

“pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar”.

(Adenan Satem, 2004, m.s 8)

Mengikut laporan *United Nation Decade of Education for Sustainable Development (UNESCO)* (1996), Pendidikan Alam Sekitar sebagai proses pembelajaran yang melibatkan penyelesaian masalah dan keupayaan pelajar untuk membuat keputusan



yang tepat demi masa depan khasnya untuk generasi akan datang terhadap keperluan dan pemeliharaan alam sekitar.

Justeru, bagi kajian ini Pendidikan Alam Sekitar didefinisikan sebagai proses pembelajaran yang dapat membantu pelajar dan kumpulan tertentu memahami persekitarannya. Pendidikan Alam Sekitar juga bermatlamat membentuk sikap prihatin dan komited seseorang individu yang membawa kepada keinginan dan kemampuan untuk bertindak secara bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

1.9.2 Penerapan Pendidikan Alam Sekitar



Menurut Adenan Satem (2004), penerapan Pendidikan Alam Sekitar adalah berfokuskan kepada penggunaan kaedah dan teknik yang pelbagai untuk menjadikan sesuatu pengajaran itu menarik dan memberi ruang untuk membolehkan pelajar terlibat secara aktif dan bergiat sepanjang sesi pengajaran tanpa merasa jemu dan bosan. Dalam pengajaran dan pembelajaran, terdapat beberapa kaedah dan teknik yang berkesan boleh digunakan oleh guru seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara, dan kaedah perbincangan. Oleh itu, penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam kajian ini berfokuskan kepada kaedah-kaedah yang telah dinyatakan atau digunapakai oleh guru-guru yang terlibat dalam kajian ini antaranya ialah kaedah perbincangan, penerapan nilai murni dan aktiviti kitar semula.





1.9.3 Konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1998), Pendidikan Alam Sekitar diintegrasikan atau memerlukan penglibatan semua mata pelajaran untuk memasukkan unsur-unsur alam sekitar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan luar bilik darjah. Justeru, konsep penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum dalam kajian ini adalah proses penyepaduan, penyisipan dan membuat perkaitan tentang alam sekitar dalam isi kandungan semua mata pelajaran yang sedia ada di sekolah.

1.10 Rumusan



Bab ini telah membincangkan peranan guru dalam menjayakan penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentasi kurikulum. Pihak sekolah memerlukan guru yang tinggi kualiti dan bersedia melaksanakan tugas utama mendidik generasi masa hadapan. Guru yang berkualiti adalah guru yang sentiasa menggunakan pelbagai kaedah untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam menangani masalah-masalah yang timbul semasa proses perlaksanaan penerapan pendidikan ini. Penerangan yang lebih terperinci mengenai penerapan Pendidikan Alam Sekitar dan kajian-kajian yang telah dijalankan akan dikupas dalam bab yang seterusnya.

